

NOTIS PRIVASI BERKAITAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI ("NOTIS PRIVASI")

Notis Privasi ini menjelaskan bagaimana Kumpulan Bank Islam (dirujuk sebagai "pihak Bank" / "kami" termasuk syarikat-syarikat induk kepada bank, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, gabungan syarikat-syarikat, wakil-wakil dan pejabat-pejabat cawangan) mengambil data peribadi untuk tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kami (dirujuk sebagai "kemudahan perbankan"). Notis Privasi ini merangkumi semua pelanggan individu dan orang perseorangan tetapi tidak terhad kepada, mana-mana pengurusan dan pegawai korporat syarikat (misalnya penandatangan sah dan setiausaha syarikat), pengarah, pemegang saham, pemilik berkepentingan (misalnya pemilik tunggal, rakan kongsi dan penama bersama) dan penjamin (dirujuk sebagai "Individu Dikenalpasti" / "anda"). Notis Privasi ini menjelaskan bagaimana data dari Individu Dikenalpasti / anda diambil, digunakan, diproses dan dilindungi.

Permohonan anda dan penggunaan berterusan terhadap kemudahan perbankan kami akan dianggap kebenaran kepada pihak Bank untuk mengumpul, memproses dan menyimpan data peribadi anda. Sila semak Notis Privasi kami secara terperinci sebelum memberikan maklumat peribadi anda. Sekiranya anda membaca dan menandatangan Notis Privasi ini bagi pihak syarikat atau pemilik berkepentingan, anda berakuransi bahawa Individu Dikenalpasti memahami dan bersetuju dengan Notis Privasi ini.

JENIS MAKLUMAT PERIBADI YANG KAMI KUMPULKAN DAN BAGAIMANA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Data peribadi anda yang kami ambil berkaitan dengan kemudahan perbankan kami yang anda pilih atau telah dipilih oleh pihak lain tetapi tanggungannya dijamin oleh anda atau pihak yang anda menjadi wakil atau diberikuasa atau pihak yang berkaitan dengan anda dianggap telah disetujui dan diizinkan anda.

Data peribadi anda berkaitan dengan kemudahan perbankan adalah termasuk tetapi tidak terbatas kepada:

- | | | | |
|---|---------------------|---------------------|----------------------|
| ▪ nama penuh | ▪ nombor pengenalan | ▪ tarikh lahir | ▪ jantina |
| ▪ bangsa | ▪ agama | ▪ status kerakyatan | ▪ status perkahwinan |
| ▪ nama pasangan | ▪ pekerjaan | ▪ majikan | ▪ jumlah tanggungan |
| ▪ pendapatan tahunan | ▪ maklumat kewangan | ▪ butiran cukai | ▪ pendidikan |
| ▪ butir-butir perhubungan (seperti alamat, nombor telefon, alamat emel) | | | |

Maklumat peribadi anda juga mungkin kami perolehi dari sumber-sumber lain tetapi tidak terhad dari mana-mana pihak seperti badan kawal selia, mana-mana agensi rujukan kredit, agensi pencegahan penipuan dan rujukan jenayah kewangan, majikan anda, penjamin atau pembekal cagaran anda dan sumber lain di mana Bank mempunyai akses.

KEGAGALAN MEMBEKALKAN DATA PERIBADI ANDA

Data peribadi anda bekalkan kepada kami adalah perlu untuk penyediaan kemudahan perbankan kepada anda. Kegagalan untuk membekalkan data tersebut mungkin mengakibatkan kami tidak dapat menyediakan kemudahan perbankan tersebut dan / atau mematuhi mana-mana undang-undang atau garis panduan.

TUJUAN PENGAMBILAN DATA PERIBADI ANDA

Tujuan kami mengambil dan memproses data peribadi anda bergantung kepada bentuk hubungan anda sebagai subjek data dengan kami. Umumnya tujuan tersebut melibatkan sebahagian atau keseluruhan dari tujuan-tujuan ("Tujuan") berikut:-

- i. memproses kemudahan perbankan anda yang sedia ada dan / atau memproses permohonan kemudahan perbankan anda;
- ii. untuk mengawal dan mencegah jenayah kewangan (termasuk, tanpa batasan, penggubahan wang haram, pencegahan, mengenalpasti dan pendakwaan kes-kes penipuan);
- iii. memberitahu anda mengenai perubahan penting terhadap ciri-ciri kemudahan perbankan anda;
- iv. menyokong operasi harian kemudahan perbankan anda;
- v. mengemaskini dan mengurus maklumat yang anda sediakan kepada kami;
- vi. penguatkuasaan tanggungjawab anda kepada kami termasuk tindakan susulan dan proses tuntutan jumlah terhutang anda atau jumlah keberhutangan yang wajib anda tanggung;
- vii. mengenal pasti rekod kredit anda dan mengekalkan sejarah kredit anda untuk rujukan semasa dan masa akan datang. Hal ini termasuk dan tidak terhad kepada semakan CCRIS anda dengan agensi-agensi pelaporan kredit lain di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (AAPK 2010);
- viii. menentukan jumlah hutang anda atau jumlah hutang terhadap anda dan membentuk penyelesaian kewangan anda;
- ix. penilaian dan analisis termasuk pemarkahan kredit / pinjaman / risiko insurans / kelakuan, analisis pasaran, produk dan penyelidikan pasaran;
- x. memenuhi keperluan undang-undang atau garis panduan;
- xi. perhubungan dan memastikan kepuasan pelanggan, di mana mungkin termasuk dengan menjalankan kajian untuk meningkatkan kualiti produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami, membala aduan serta menyelesaikan percanggahan secara umumnya; dan
- xii. untuk menyokong, melindungi kepentingan Kumpulan Perbankan Bank Islam dan sokongannya dan / atau tujuan lain yang berkenaan.
- xiii. melakukan pengesahan pekerjaan dengan pihak majikan melalui seseorang yang mempunyai bidang kuasa untuk memberikan pengesahan tersebut di organisasi anda.

PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA

Pihak Bank tidak akan mendedahkan data peribadi anda termasuk alamat, nombor telefon ataupun e-mel kepada mana-mana pihak luar selain daripada senarai di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan") bagi Tujuan yang tersebut kecuali pihak Bank mendapatkan kebenaran daripada anda atau samada di bawah tuntutan undang-undang atau mana-mana tanggungjawab bagi mendedahkan maklumat:-

- a) mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah bank, syarikat induk kepada bank, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, gabungan syarikat-syarikat, wakil-wakil dan pejabat-pejabat cawangan;
- b) pihak-pihak ketiga seperti penasihat profesional atau agen-agen mereka, rakan-rakan kongsi strategik, pembekal-pembekal perkhidmatan, syarikat insurans / pengendali Takaful atau broker insurans / Takaful, pembekal dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga, peniaga-peniaga, vendor-vendor, yang tertakluk di bawah tanggungjawab kerjasama kepada Bank;
- c) mana-mana pemegang serah hak sebenar atau pun yang berpotensi, "novatee" atau penerima pindahan hak-hak dan / atau tanggungjawab Bank di bawah apa-apa transaksi di antara Bank dan anda (atau mana-mana ejen atau penasihat profesional);
- d) mana-mana agensi penarafan atau agensi bagi perlindungan kredit kepada Bank sama ada secara langsung / tidak langsung;
- e) mana-mana pihak seperti yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan kawal selia / penyeliaan atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal;
- f) mana-mana agensi rujukan kredit yang Bank gunakan bagi menilai kredit atau meneliti kredit dan pihak berkaitan dengan produk perbankan yang disediakan oleh pihak Bank kepada anda;
- g) agensi-agensi pencegahan penipuan, institusi-institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen, atau organisasi-organisasi lain;
- h) mana-mana pihak sekuriti, penjamin atau penyedia cagaran bagi kemudahan pembiayaan.
- i) mana-mana pihak mewakili majikan yang bank hubungi untuk mendapatkan rujukan pekerja.

Pendedahan di atas adalah setiap masa tertakluk kepada undang-undang (termasuk peraturan, standard, garis panduan dan / atau kewajipan) yang dikenakan kepada Bank. Di samping itu, Notis Privasi ini juga berfungsi sebagai memberi persetujuan kepada mana-mana agensi pelaporan kredit untuk mendedahkan maklumat kredit anda kepada Bank kami menurut seksyen 24 (1)(a) AAPK 2010.

MEMINDAHKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA DI LUAR MALAYSIA

Pihak Bank boleh memindahkan maklumat peribadi anda di luar Malaysia sekiranya mana-mana penyedia perkhidmatan Bank terletak di negara-negara di luar Malaysia. Pemindahan sedemikian adalah diperlukan dengan tujuan untuk melaksanakan atau menyelesaikan perkhidmatan Bank kepada anda, untuk melaksanakan atau menyelesaikan perjanjian-perjanjian Bank dengan pihak ketiga, dan untuk prosiding undang-undang atau mendapatkan nasihat undang-undang. Sekiranya keperluan operasi timbul di mana maklumat peribadi anda perlu diproses, digunakan, dipindahkan kepada, atau disimpan di luar Malaysia, pihak Bank akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan maklumat peribadi anda digunakan dengan selamat dan mana-mana penyedia servis yang terlibat dengan Bank adalah terikat dengan perjanjian untuk tidak memberikan maklumat peribadi anda kepada kami untuk apa-apa tujuan selain daripada apa yang telah dijanjikan dalam perjanjian dan adalah selaras dengan Notis Privasi ini serta bidangkuasa undang-undang data peribadi masing-masing. Dalam hal ini, anda memberi kebenaran kepada kami untuk memindahkan maklumat peribadi anda di luar Malaysia.

PENYIMPANAN DATA PERIBADI ANDA

Data yang diberikan oleh anda disimpan selagi Tujuan yang mana data yang dikumpulkan berterusan; data kemudiannya akan dimusnahkan secara kekal melainkan pengekalan berterusan diperlukan untuk memenuhi keperluan undang-undang dan / atau pematuhan garis panduan untuk melindungi kepentingan Bank yang sah.

DATA/ MAKLUMAT PIHAK KETIGA

Di mana anda perlu menyediakan data dan maklumat peribadi berkaitan dengan orang lain termasuk pemohon-pemohon bersama, pasangan anda, pihak berkaitan dan orang hubung kecemasan, rujukan, dan majikan (termasuk dan tidak terhad kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyokong Tujuan tersebut, anda menjamin dan menyatakan bahawa anda telah mendapatkan keizinan mereka atau anda berhak untuk memberikan maklumat mereka kepada pihak Bank.

JUALAN SILANG DAN PILIHAN

Pihak Bank berhasrat menggunakan data peribadi anda untuk memaklumkan anda dengan produk dan perkhidmatan terbaru kami termasuk untuk tujuan jualan silang, pemasaran, promosi, tawaran dan pertandingan termasuk produk dan perkhidmatan anak-anak syarikat atau sekutunya ("pemasaran langsung"). Oleh itu, kami akan menggunakan data peribadi anda dan dengan ini anda bersetuju bahawa data peribadi anda termasuk alamat, nombor telefon dan alamat emel digunakan untuk tujuan tersebut, termasuk pentadbiran tawaran dan pertandingan.

Sekiranya anda memilih untuk tidak bersetuju untuk dihubungi untuk tujuan pemasaran langsung ini, anda boleh menyatakan atau memilih keluar dengan menghubungi Pusat Perhubungan kami di alamat dan nombor telefon yang dinyatakan di bawah:

Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan

Level 17, Menara Bank Islam

No. 22, Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Telfon: +603 2690 0900

emel: contactcenter@bankislam.com.my

Sila ambil maklum bahawa kami akan memproses permintaan anda dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh kami menerima permintaan tersebut.

AKSES DAN PEMBETULAN KEPADA DATA PERIBADI ANDA

Anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada data peribadi anda yang disimpan pihak Bank. Yuran akan dikenakan kepada anda berhubung dengan permintaan tersebut. Anda juga berhak untuk mengemas kini dan memperbetulkan data anda. Untuk tujuan ini, anda boleh berkunjung di mana-mana cawangan kami atau anda boleh menghubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di alamat tertera. Anda perlu mengisi borang 'Data Access Request' atau 'Data Correction Request' yang disediakan di cawangan.

CARA MENGHUBUNGI KAMI

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai Notis Privasi ini, anda boleh berkunjung ke mana-mana cawangan yang lokasinya boleh didapati dari laman web kami atau anda boleh menghubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di alamat tertera. Anda juga boleh menghubungi kami untuk menyampaikan aduan anda berkaitan dengan Notis Privasi atau jika anda mengesyaki apa-apa penyalahgunaan atau penyalahgunaan data peribadi anda.

PERUBAHAN KEPADA NOTIS PRIVASI INI

Pihak Bank berhak untuk meminda Notis Privasi ini pada bila-bila masa dan akan memaparkan notis pindaan tersebut melalui pengumuman awam yang diletakkan di mana-mana Cawangan Bank, laman web, dan/atau saluran rasmi Bank iaitu ATM, media sosial, perbankan mudah alih, perbankan internet atau sebagainya. Notis Privasi ini tidak bertujuan untuk mewujudkan sebarang hak kontrak, ia juga tidak membuat apa-apa kewajipan kontrak kepada Bank atau mana-mana pihak yang lain. Sebarang rujukan dalam dokumentasi bank untuk kenyataan privasi merujuk kepada Notis Privasi.

PERAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa saya telah membaca Notis Privasi ini dan memahami kandungannya serta bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi ini. Saya dengan ini memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menghubungi pihak majikan yang berkenaan untuk menjalankan pengesahan terhadap pekerjaan saya untuk tujuan permohonan pembiayaan.

Tandatangan:

Pemegang Kad Utama

Tarikh:

Nama:
No K/P:

Pemegang Kad Tambahan

Nama:
No K/P: